

# Briged Putera KK adakan lawatan sambil belajar ke UMS

UB 28.03.2023 P.08

Oleh Yap Slong Han

**KOTA KINABALU:** Para ahli Briged Putera di sini berjaya mengadakan lawatan sambil belajar ke Universiti Malaysia Sabah (UMS) baru-baru ini.

Briged Putera Sabah dalam kenyataan menjelaskan, aktiviti berkenaan diadakan pada cuti sekolah lalu atas inisiatif Kompeni Kota Kinabalu Keempat.

Tujuan lawatan adalah untuk menanam sikap dan nilai pembelajaran secara berteru-

san dalam kalangan ahli serta merapatkan hubungan baik dengan para agensi kerajaan berkaitan.

Briged Putera Sabah adalah salah satu badan gabungan Majlis Belia Sabah (MBS) iaitu sebuah badan bukan kerajaan (NGO) yang bekerjasama dengan kerajaan untuk membangun belia di negeri ini.

Tempat-tempat yang dilawati dalam program berkenaan ialah Muzium Perubatan Ibnu Sina, Galeri Kesenian Azman Hashim, Muzium Akuarium dan

Marin serta Pusat Memanah Rawja.

Seramai 40 peserta sekolah menengah termasuklah tujuh pegawai menyertai aktiviti sehari berkenaan.

Aktiviti itu turut menyedarkan para peserta berkaitan perkara-perkara dalam bidang sains dan seni.

Wakil Kompeni Kota Kinabalu Keempat Sarjan Lewis Liew berkata, pihaknya teruja dengan kaedah memproses organ dan mayat manusia menjadi spesimen untuk tujuan pameran serta

kajian saintifik.

Selain itu katanya, para ibu bapa turut memainkan peranan penting untuk menyokong dan menggalakkan anak-anak mereka untuk melibatkan diri dalam aktiviti seumpamanya.

Sementara itu, salah seorang peserta Rose Ladzim berkata, lawatan ini membuka minda anak-anaknya dan berharap lebih banyak aktiviti seperti ini dijalankan kerana dapat melatih anak-anak bersikap lebih berdikari pada masa depan.



**ALBUM:** Rakaman kenangan para ahli Brigid Putera yang mengadakan lawatan sambil belajar di UMS.